Muhammad Shalaby Shahbuddin
am@hmetro.com.my

# Jana minda intelektual

## Program kepemimpinan i-LEAD latih 3,500 pelajar jadi pemimpin masa depan

**Bukit Mertajam**

Bagi membangunkan generasi pemimpin muda cerdas dan berwibawa dalam kalangan pelajar negara ini, Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI), Kulim Hi-tech Park, Kulim, Kedah mengambil inisitif menganjurkan program Kepemimpinan Intelektual atau i-LEAD.

Fasilitator i-LEAD, Muhammad Hafizi Mohamad Ruslan berkata, sejak diadakan Februari 2015, lebih 30 sesi dijalankan membabitkan penyertaan 3,500 pelajar.

Beliau berkata, pelajar terpilih membabitkan pengawas sekolah, Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan perwakilan pelajar daripada institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan serta program itu mengambil masa sehingga tiga hari.

"Objektifnya memberi pendedahan, kemahiran dan tip bagaimana menjadi pemimpin masa depan.

"Malah, ia mengukuhkan kerjasama dan ikatan antara peserta program, selain menggalakkan suasana menyeronokkan dalam gaya hidup kampus UniKL," katanya.

Menurutnya, program i-LEAD dijalankan 100 mahasiswa UniKL jurusan Teknologi Kejuruteraan dengan modul program mereka sediakan sendiri.

"Program ini menerapkan pelbagai ilmu kepada lebih 70 sekolah, IPT dan universiti membabitkan lebih 30 modul interaktif luaran dan dalaman ke seluruh negara.

"Antara aktiviti menarik program ini ialah 'origami market', UniKL Airlines, Modul Khas untuk PRS, Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Program Kem Ibadat, Fun English, Neuro Linguistics Programming (NLP) yang menumpukan kemahiran asas komunikasi dan kaunseling," katanya.

Beliau berkata, peserta program mampu melaksanakan tugasan dengan baik, contohnya di Dungun, Terengganu, peserta menjalankan aktiviti menjual minuman istimewa kepada orang ramai dengan harga yang berpatutan.

"Keuntungan diperoleh kami salurkan kepada masjid sekitar kawasan itu," katanya.

Muhammad Hafizi yang memiliki Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Automotif) dibantu dua rakannya iaitu Muhammad Zamri Zainal Abidin, 24, yang memiliki Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dan Norliyana Ozelan, 24, pemegang Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Automotif).

"UniKL MSI Kulim mencatat sejarah apabila melaksanakan program *i-LEAD di sekolah* menengah harian Orang Asli iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bawong, Kuala Kangsar.

Hantarkan e-mel ke mhalmi@unikl.edu.my untuk maklumat lanjut mengenai UniKL MSI Kulim



**DARI kiri,** *Muhammad Hafizi, Norliyana dan Muhammad Zamri menunjukkan risalah program i-LEAD.*



**PELAJAR** *menyertai aktiviti yang dijalankan ketika program i-LEAD di Keningau, Sabah.*